

MENYUBUR KECINTAAN ILMU MELALUI PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM

NAZNEEN BINTI ISMAIL

Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

nazneen@kuis.edu.my

0192360477

DR. SYAIDATUN NAZIRAH ABU ZAHRIN

Pensyarah Kanan

Pusat Citra Universiti Kebangsaan Malaysia

syaidatun@ukm.edu.my

0193921789

ABSTRAK

Cinta kepada ilmu pengetahuan termasuk dalam tingkah laku cinta. Ia adalah manifestasi kecintaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Oleh kerana asas Islam ialah ilmu pengetahuan, maka untuk menjadi seorang yang merealisasikan peranannya sebagai Muslim dia berhajat kepada ilmu. Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan hubungan antara cinta ilmu dengan keperibadian Muslim. Kajian dilakukan dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis berkaitan keperibadian Muslim cemerlang dan keperibadian ilmuwan serta hubungan antara kedua-duanya. Dapatkan menemukan pelbagai ungkapan dalam al-Quran berkaitan keperibadian dalam Islam antaranya Muslim, mukmin dan muhsin. Manakala keperibadian ilmuwan pula diungkapkan sebagai Ulu al-Albab, Ulu al-Absar, Al-Rasikhun fi al-'ilm dan al-'Ulama'. Selain itu, ahli falsafah Islam juga telah mengemukakan konsep Insan Kamil sebagai gambaran keperibadian Muslim cemerlang. Semua keperibadian ini didapati menyatakan nilai keilmuan dan kecintaan kepada ilmu merupakan sifat terpenting bagi seorang Muslim cemerlang. Maka dapat difahami bahawa kecintaan kepada ilmu boleh disuburkan dengan pembentukan peribadi Muslim cemerlang.

Kata kunci: cinta ilmu, keperibadian Muslim cemerlang, Insan Kamil, Ulu al-Albab

Pendahuluan

Perbincangan berkenaan keperibadian dari perspektif Islam banyak diambil daripada teori sufisme kerana ia bersifat mutlak, dapat diterjemahkan dalam realiti kehidupan, universal dan tidak dibatasi oleh ruang dan waktu. Teori keperibadian sufisme fokus kepada kesedaran diri dan kefahaman yang tinggi dengan meningkatkan perkembangan spiritual. Kaedahnya adalah dengan mencintai Allah SWT sebagai pembentuk kepada keperibadian dan kaedah mendapatkan pengetahuan (Shahabuddin & Rohizani 2007). Tumpuan terhadap aspek spiritual ini adalah seperti yang diketengahkan oleh al-Ghazali (2004) bahawa terdapat empat unsur dalam diri iaitu roh, *aql*, *qalb* dan *nafs*. Antara keempat unsur ini, *qalb* merupakan tonggak utama kepada keperibadian dan perlu diberikan tumpuan khusus kerana ia mempunyai dua sifat khusus iaitu kebijaksanaan dan kemahuan (Fariza, Salasiah dan Mohd. Jurairi 2015).

Keperibadian atau personaliti merujuk kepada perkataan Arab ‘sahsiah’ atau ‘akhlak’ yang dimiliki oleh seseorang. Ia berkait dengan budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan. Daripada tingkah laku luaran ini, sikap seseorang dapat dikenal pasti (al-Ghazali 2004; Nurwahidah, Nooraini & Siti Norayu 2013). Hakikatnya ia adalah satu bentuk gandingan antara sifat luaran dan dalaman seseorang di mana setiap satunya mempengaruhi yang lain sehingga menampilkan ciri-ciri yang membezakannya dengan orang lain (Shahabuddin & Rohizani 2007; Ahmad Munawar, Zakaria dan Siti Aishah 2012; Fariza et al. 2015 Hanisah Osman 2014).

Terdapat sejumlah faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan keperibadian manusia. Antaranya ialah fitrah yang merupakan potensi anugerah Allah SWT dalam diri manusia. Potensi ini bersifat iman, tauhid, Islam, selamat, ikhlas dan sifat-sifat yang baik. Manusia juga memiliki kebebasan dalam menggerakkan potensi dirinya (al-Quran, 18: 29, 2: 256, 109: 6, 90: 8-10, 91: 7-10, 2: 200-201). Atas kebebasan ini, manusia dituntut untuk berusaha membangunkan keperibadian diri dengan baik. Jika sebaliknya, apabila keperibadian tidak mampu berkembang secara maksimum ia akan menyebabkan seseorang itu diberikan balasan seburuk-buruknya di akhirat kelak (Abdul Mujib 1999).

Faktor lain yang mempengaruhi ialah keturunan. Ia berkait dengan saranan Rasulullah SAW untuk menitik beratkan agama dalam pemilihan jodoh. Di samping itu, perkara ini dapat difahami daripada al-Quran melalui kisah kebaikan dalam keturunan Nabi Ibrahim AS melahirkan Nabi Ismail AS dan Nabi Ishak AS, keturunan Imran melahirkan Maryam AS dan daripadanya lahir Nabi Isa AS serta kebaikan keturunan Nabi Ya^cqub AS menghasilkan Nabi Yusuf AS. Meskipun dalam garis keturunan yang baik terdapat juga keturunan yang berperibadi sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa keturunan bukan faktor utama keperibadian seseorang walaupun ia sedikit sebanyak juga memberi kesan (Abdul Mujib 1999). Faktor yang sama juga diakui oleh ahli psikologi Barat kerana genetik dipercayai boleh mempengaruhi perkembangan manusia dari aspek fizikal, fisiologi (penyakit), mental, sahsiah dan kecerdasan (Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015).

Selain itu, Islam juga mengakui peranan persekitaran terhadap pembentukan keperibadian. A-Quran banyak mengungkapkan kewajipan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar, menuntut ilmu dan menyebarkannya, kewajipan ibubapa memelihara keluarga dari api neraka dan seumpamanya. Manakala faktor lain seperti perbezaan individu dari segi bakat, status dalam masyarakat, bangsa, negara, bahasa dan warna kulit yang sebenarnya terangkum dalam konsep fitrah (Abdul Mujib 1999). Kebanyakan teori keperibadian moden turut mengakui persekitaran seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, masyarakat dan kebudayaan serta media massa mempengaruhi pembentukan keperibadian seseorang (Mohd. Dahlan dan Nurul Hudani (2015). Maka, untuk membangunkan peribadi ia perlu kepada proses pendidikan yang membangunkan keseluruhan fakulti insan secara seimbang serta suasana persekitaran yang merangsang pembangunan iman dan taqwa (Nor Hayati 2014).

Keperibadian Muslim cemerlang

Dalam al-Quran, keperibadian yang baik diungkapkan dengan pelbagai istilah antaranya Muslim, mukmin dan *muhsin*. Muslim bermaksud orang yang mentauhidkan Allah SWT, patuh, tunduk dan jujur kepada-Nya serta beriman dengan ajaran-Nya yang dibawa menerusi Nabi Muhammad SAW. Ajaran ini diamalkan dalam segenap hidup dan tidak terhad kepada aspek ritual sahaja (Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015). Keperibadian

Muslim ialah yang beriltizam dengan lima Rukun Islam seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah bagi yang mampu. Maka, keperibadian ini membebaskan diri mereka daripada syirik kepada Allah SWT dan mengisinya dengan kepatuhan penuh kepada-Nya (Abdul Mujib 1999).

Mukmin pula merujuk kepada orang yang membenarkan Allah SWT dan rasul-Nya, memperakui apa yang didatangkan kepada mereka daripada Allah SWT serta mengamalkan apa yang diseru kepada mereka (al-Tabari, t.th). Keperibadian Mukmin menghasilkan karakter ideal yang berpaksikan kepada enam Rukun Iman iaitu keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada malaikat, keimanan kepada para rasul, keimanan kepada hari kiamat dan keimanan kepada qada' dan qadar (Abdul Mujib 1999; Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015). Ia kerana iman adalah kekuatan yang mencegah individu dari terjerumus kepada dunia dan mendorongnya kepada kemuliaan. Hubungan langsung antara iman dan akhlak difahami melalui sejumlah ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menyebutkan kedua-duanya seiringan. Sebaliknya, akhlak yang buruk juga menggambarkan kelemahan iman seseorang kepada Allah SWT. (Muhammad al-Ghazali 1997).

Muhsin ialah orang yang memperelokkan perbuatan zahir dengan ibadah dan perbuatan batin dengan keikhlasan. Konsep ini dilihat sebagai kemuncak akhlak dalam Islam dan intipati sifat ihsan ialah kecintaan kepada Allah SWT (Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015). Keperibadian Muhsin memiliki kualiti dalam tingkah lakunya, sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah SWT sehingga dia secara sedar merasakan pemerhatian Allah SWT kepada-Nya dan seakan-akan dapat melihat-Nya. Keperibadian ini dapat dicapai melalui beberapa tahap iaitu *takhalli*, mengosongkan diri dari segala sifat tercela dan maksiat. Kemudian tahap *tahalli*, bersungguh-sungguh untuk mengisi diri dengan kebaikan. Pada tahap ini, pendekatan *mujahadah* dan *riyadah al-nafs* begitu diperlukan. Tahap ketiga pula ialah *tajalli*, merasa kelazatan, kedekatan dengan Allah SWT lalu mencapai kebahagiaan tertinggi (Abdul Mujib 1999). Pendekatan *mujahadah* dan *riyadah al-nafs* mempunyai hubungan langsung dengan amalan ibadah dan merupakan kaedah pembentukan peribadi yang baik (al-Ghazali 2004). Individu berperibadi baik akan menjalani hidup yang diberkati dan memiliki jiwa yang tenang dalam semua keadaan (Fariza et al. 2013). Pendekatan ini berkait rapat dengan apa yang dinyatakan oleh Abdul Mujib (1999) sebagai pemeliharaan fitrah nafusi. Maka, dalam pemeliharaan fitrah ini ia berkait dengan tiga prinsip iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Setiap satunya menterjemahkan keperibadian yang berbeza tetapi mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Keteguhan iman dalam diri akan mencorakkan keperibadian yang tenang dan rasional. Sementara syariat berperanan sebagai pemelihara kepada mental, fizikal dan spiritual manusia. Pengamalan syariat yang betul akan menghasilkan keluhuran akhlak (Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi 2012). Keseimbangan antara ketiga-tiga elemen ini menghasilkan keperibadian Muslim terbaik.

Keunggulan peribadi yang dinyatakan dalam al-Quran serta dibuktikan oleh para sahabat dan para salafussoleh ini menjadikan para ilmuwan Muslim menggagaskannya pelbagai kajian berkaitannya. Antaranya ialah konsep insan kamil. Konsep ini memberi gambaran tentang keperibadian sempurna di mana dia telah mencapai satu tahap pengabdian dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Ia merupakan hasil daripada kecintaan kepada Tuhan mengatasi segala yang lain (Fariza et al. 2015; Nor Hayati Hj. Alwi 2014). Istilah ini lahir berikutan pandangan ahli falsafah bahawa manusia adalah wadah manifestasi Allah SWT. Dari segi pandangan awam, insan kamil adalah merujuk kepada alim ulama

manakala dalam al-Quran ia merujuk kepada *muhsinin* dan *muttaqin*. Mereka adalah golongan yang berkeperibadian seimbang dan berupaya mencapai ketenangan. Peribadi ini bertentangan dengan keperibadian insan yang tidak seimbang kerana cenderung kepada perkara selain Allah SWT sahaja. Maka, insan kamil dikaitkan juga dengan seorang yang ideal sama ada dari segi pandangan Allah SWT atau dari sudut pandangan manusia seperti baginda Rasulullah SAW (Nor Hayati Hj.Alwi 2014).

Pencapaian tahap ini adalah bergantung kepada kesempurnaan perkembangan nafsu mereka iaitu mencapai nafsu tertinggi, *al-nafs al-mutmainnah*. Bagi mencapai tahap ini, manusia perlu kepada mujahadah sehingga terhasil jiwa yang suci (*tazkiyat al-nafs*). Maka, antara ciri insan kamil ialah beragama Islam dan mentauhidkan Allah SWT, berilmu dalam kerangka falsafah ilmu dalam Islam, khususnya ilmu tauhid, memahami bahawa setiap pengalaman mempunyai makna tersendiri dan tidak ada yang sia-sia, menyedari bahawa segala yang dilakukan perlu berdasarkan keikhlasan kepada Allah SWT, beradab dan berupaya meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar dengan menjadikan Allah SWT sebagai paksi segala sesuatu, menjadikan dunia sebagai medan bekerja untuk beroleh hasilnya di akhirat dan melaksanakan tugas khalifah untuk memakmurkan dunia (Nor Hayati 2014).

Oleh kerana kesempurnaan seorang insan dinilai berdasarkan kedekatan hubungannya dengan Allah SWT dan kesungguhannya dalam beragama, maka timbul istilah religiositi yang merujuk kepada satu bentuk keperibadian yang menghayati dan beramal dengan agamanya. Sehinggakan terdapat pelbagai kajian berhubung religiositi khususnya kaedah pengukuran dan penilaianya. Memandangkan hal berkaitan religiositi atau keyakinan, pengabdian, dan penghormatan seseorang terhadap keilahian (Gallagher S. dan Tierney W. 2013) ini merupakan perkara yang abstrak dan sukar diukur, maka Jamiah Manap et al. (2013) menetapkan beberapa prinsip dalam pengukuran religiositi iaitu; hukuman atau penilaian berasaskan perkara yang terzahir sahaja, pengukuran religiositi daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun nilaiannya sebenar adalah di sisi Allah, atas pengukuran adalah manifestasi tiga rukun agama iaitu Iman (akidah Islam), Islam (syariat Islam) dan Ihsan (akhlik Islam), Iman perlu dibuktikan dengan amalan, penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia, simbol yang berkaitan dengan religiositi tidak semestinya mencerminkan religiositi dan keperibadian Muslim, dan piawai pengukuran religiositi dan keperibadian Muslim adalah Al-Quran dan sunnah.

Berhubung prinsip tiga rukun agama iaitu Islam, Iman dan Ihsan sebagai asas pengukuran, ia didapati juga menjadi asas kajian Rafiza Mohamed (2015) dalam melakukan pengesanan terhadap religiositi. Malah, Azma (2006) menekankan amalan beragama melahirkan religiositi dan perkembangan amalan beragama paling kritikal ialah pada zaman remaja dengan latar belakang, persekitaran dan keluarga adalah sebagai faktor pengganggu kepada tahap religiositi.

Ringkasnya, religiositi dalam Islam ialah pengamalan cara hidup Islam secara menyeluruh. Amalan ini disertai dengan penghayatan agama Islam dari aspek fizikal dan rohani. Oleh itu, religiositi diyakini mempunyai hubungan langsung dengan keperibadian seorang Muslim dalam setiap tingkah lakunya. Ia adalah penting kerana kesempurnaan agama memberi kesan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Al-Ghazali (2004) berpandangan bahawa kebahagiaan adalah matlamat hidup manusia yang hanya dapat dicapai melalui ilmu dan amal. Ilmu yang paling mulia ialah mengenal Allah SWT dan amal yang paling mulia ialah berakhlik mulia dan ibadah. Justeru, untuk mencapai bahagia seseorang itu perlu

memperbaiki diri kerana hanya hati yang suci sesuai untuk menerima ilmu. Ia kerana cahaya ilmu tidak akan masuk ke dalam hati yang bermaksiat (Mohamad Sabri 2017). Sabda Rasulullah SAW:

الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطْلَعَ عَلَيْهِ النَّاسُ

Maksudnya:

Kebaikan itu ialah elok budi pekerti dan dosa ialah apa yang tergetar dalam hati engkau, dan engkau benci dilihat manusia kepadanya.

(al-Bukhari, Sahih, *Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab*, Bab Tafsir al-Birr wa al-Ithm, no 4632)

Ini ialah kayu ukur yang mudah bagi mengetahui tahap kebahagiaan dalam diri. Bahagia boleh diketahui dengan amal soleh dan rasa ketenangan manakala tidak bahagia diukur dengan amal dosa dan rasa tidak tenang. Lanjutan daripada kebahagiaan dan ketenangannya di dunia, golongan ini dijanjikan dengan kecemerlangan atau kejayaan di akhirat. Dalam al-Quran, kalimah *al-Muflihun* diertikan sebagai golongan yang beruntung atau cemerlang. Antara ciri-cirinya ialah sentiasa mendapat petunjuk (al-Quran 2:5; 31:5), menyeru kepada kebaikan, menyuruh perkara ma'ruf dan mencegah perkara mungkar (al-Quran 3:104), beriman kepada Rasulullah SAW, memuliakkannya, menolongnya dan mengikuti al-Quran (al-Quran 7:157), berjihad di jalan Allah SWT dengan harta dan diri mereka (al-Quran 9:88), akur dengan pengadilan dan hukuman Rasulullah SAW (al-Quran 24:51), menginfaq harta dan mengharapkan reda Allah SWT (al-Quran 30:38), beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, tidak berkasih sayang dengan mereka yang memusuhi Allah SWT dan memperkuatkan keimanan mereka (al-Quran 58:22), tidak kedekut (al-Quran 59:9; 64:16), sentiasa bertaubat, beriman dan beramal soleh (al-Quran 28:67).

Di atas keteguhan iman mereka, Allah SWT menjanjikan balasan yang baik seperti timbangan yang berat (al-Quran 7:8; 23:102), dimasukkan ke dalam syurga, mendapat reda Allah dan mereka juga merasa puas dengan limpah rahmat-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadilah (58:22) yang bermaksud: *Mereka itulah orang-orang yang telah menanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripada-Nya. Dan dimasukan-Nya mereka ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah ridha terhadap mereka, dan merekapun merasa puas terhadap (limpahan rahmat)-Nya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya hizbulah itu adalah golongan yang beruntung*

Peribadi ilmuwan dalam al-Quran

Perbahasan berkaitan epistemologi ilmu dibincangkan secara meluas oleh para ilmuwan Muslim. Antaranya berkaitan definisi ilmu itu sendiri. Al-Attas (1980) mentakrifkan ilmu sebagai ketibaan dalam kalbu seseorang tentang makna sesuatu perkara atau objek ilmu. Dengan erti kata lain, tidak semua maklumat diterima adalah ilmu. Sebaliknya ilmu ialah maklumat yang benar dan membawa makna dalam kehidupan setiap insan sehingga mampu merubah diri menjadi insan berilmu (Mohamad Sabri 2017). Oleh itu, ilmu penting bagi manusia kerana Allah SWT telah menyediakan potensi keupayaan menerima ilmu dalam diri manusia (al-Quran 2:31-33). Sehubungan itu, al-Quran mengungkapkan keperibadian ilmuwan dengan pelbagai bentuk.

Ulu al-albab

Antara gambaran peribadi ilmuwan yang dinyatakan dalam al-Quran ialah istilah *ulu al-albab* (أولوا الألباب) atau diertikan dengan mereka yang mempunyai pandangan mendalam. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:269) yang bermaksud: *Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.*

Ulu al-albab ialah golongan yang diberikan hikmah. Sebahagian mufassir menyatakan hikmah bermaksud mengetahui dan menguasai ilmu al-Quran (al-Tabari, t.th) serta meletakkan sesuatu pada tempat yang bermanfaat. Ini juga bermaksud melakukan segala yang diperintahkan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya kerana dalam setiap syariat Allah SWT itu terkandung manfaat bagi manusia dan sekelilingnya (al-Sya'rawi, 1991). *Ulu al-albab* juga mampu untuk memahami ayat mutasyabihat iaitu ayat yang tidak mudah difahami secara terus hanya dengan membacanya (al-Quran 3:7). Ia berbeza dengan ayat muhkamat yang mengandungi perintah atau larangan secara jelas. Ayat-ayat mutasyabihat tidak diturunkan untuk menjelaskan tentang hukum, tetapi ia berkaitan dengan keimanan. Maka, ayat mutasyabihat diturunkan untuk diimani sedangkan ayat muhkamat diturunkan untuk diamalkan (al-Sya'rawi 1999).

Kelebihan mereka juga tidak hanya dari segi keilmuan sahaja bahkan juga dikukuhkan dengan keimanan jitu kepada Allah SWT dan segala yang diturunkan-Nya (al-Quran 13:19 dan al-Quran 14:52). Ciri ini menjadikan mereka tergolong dalam kalangan yang bertaqwa. Firman Allah dalam al-Baqarah (2:197) yang bermaksud: *bertaqwalah kepadaKu Wahai orang-orang Yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).* Daya kefahaman mereka yang tinggi didasari dengan keimanan dan ketaqwaaan adalah faktor utama mereka mampu memahami maksud dan hikmah di sebalik semua perkara di atas dunia ini sama ada ia bersifat sunnatullah ataupun syariat Allah SWT. Mereka memahami hikmah di sebalik hukuman *qisas* dalam hudud (al-Quran 2:179), mereka juga memerhatikan penciptaan alam dan menguatkan keimanan mereka menerusnya (al-Quran 3:190).

Al-Quran juga menjelaskan bahawa *ulu al-Albab* mampu membezakan keburukan dengan kebaikan tatkala orang lain dikelirukan dengan kecantikan luaran. Firman Allah SWT dalam al-Ma'idah (5:100) yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tidak sama Yang buruk Dengan Yang baik, Walaupun banyaknya Yang buruk itu menarik hatimu. oleh itu bertaqwalah kepada Allah Wahai orang-orang Yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.*

Ulu al-absar

Selain daripada ungkapan *ulu al-albab*, al-Quran juga menggunakan istilah *ulu al-absar* bagi menggambarkan golongan yang mengambil peringatan dari peristiwa dan kejadian alam. Firman Allah SWT dalam Ali Imran (3:13) yang bermaksud: *Sesungguhnya telah ada satu tanda (bukti) bagi kamu pada (peristiwa) dua pasukan Yang telah bertemu (di medan perang); satu pasukan (orang-orang Islam) berperang pada jalan Allah (kerana mempertahankan ugama Allah), dan Yang satu lagi dari golongan kafir musyrik. mereka (yang kafir itu) melihat orang-orang Islam Dengan pandangan mata biasa - dua kali ramainya berbanding Dengan mereka sendiri. dan Allah sentiasa menguatkan sesiapa Yang dikehendakiNya, Dengan memberikan pertolonganNya. Sesungguhnya pada peristiwa itu*

terdapat satu pengajaran Yang memberi insaf bagi orang-orang Yang berfikiran (yang celik mata hatinya).

Firman-Nya lagi dalam al-Nur (24:44) bermaksud: *Allah menukarkan malam dan siang silih berganti; Sesungguhnya Yang demikian mengandungi pelajaran Yang mendatangkan ikitibar bagi orang-orang Yang celik mata hatinya berfikir.* Ungkapan yang membawa maksud yang sama juga dinyatakan dalam al-Hasyr (59:2) bermaksud: *maka insaflah dan ambilah pelajaran (dari peristiwa itu) Wahai orang-orang Yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*

Ilmu yang diperolehi ini pula perlu diajarkan kepada manusia lain agar mereka juga dapat memahami segala yang tersirat daripada segala apa yang berlaku dalam dunia ini. Sabda Rasulullah SAW:

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ أَنْ يَتَعَلَّمَ الْمَرءُ الْمُسْلِمُ عِلْمًا ثُمَّ يُعَلِّمَهُ أَخَاهُ الْمُسْلِمِ

Maksudnya:

Sedekah yang paling utama ialah seorang Muslim mempelajari ilmu kemudian mengajarkannya kepada saudaranya yang Muslim.

(Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Muqaddimah*, Bab Thawab Mu'allim al-Nas al-Khayr, no 282)

Berdasarkan ayat yang dikemukakan dengan ciri-cirinya, dapat difahami bahawa terdapat persamaan antara dua golongan ini. Ciri utama adalah mereka merupakan golongan yang diberikan hikmah dan ilmu pengetahuan oleh Allah SWT, mereka juga memiliki daya taakul yang tinggi yang menatijahkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Al-rasikhun fi al-'ilm

Ungkapan ini disebut dalam Ali Imran 3:7, di mana ayat yang sama diungkapkan juga kalimah *ulu al-albab* dengan erti kata golongan yang faham maksud tersirat atau ayat mutasyabihat serta beriman dengan semua yang diturunkan Allah SWT. Manakala dalam An-Nisa' (4:162) dinyatakan golongan ini sebagai mereka yang beriman, mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada Allah dan hari akhirat serta dijanjikan ganjaran yang besar. Firman Allah SWT (al-Quran 4:162) yang bermaksud: *tetapi orang-orang Yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang Yang beriman, sekaliannya beriman Dengan apa Yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa Yang telah diturunkan dahulu daripadamu, - khasnya orang-orang Yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang Yang menunaikan zakat, serta Yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah Yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) Yang amat besar.*

Ulama

Selain daripada ungkapan khusus seperti di atas, ayat al-Quran lain menyebut ungkapan umum sebagai ulama (العلماء) atau mereka yang mengetahui (يعلمون). Antaranya firman Allah SWT dalam Fatir (35:28) yang bermaksud: *sebenarnya Yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang Yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.*

Kedudukan para ulama juga dijelaskan Allah SWT sebagai mereka yang mempunyai darjah lebih tinggi berbanding yang lain. Ketinggian darjah ini juga dikurniakan kepada golongan Mukmin. Ini menggambarkan bahawa keilmuan dan keimanan adalah perkara pokok yang menentukan darjah seseorang di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Mujadalah (58:11) yang bermaksud: *supaya Allah meninggikan darjah orang-orang Yang beriman di antara kamu, dan orang-orang Yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjah. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa Yang kamu lakukan.*

Malah, Rasulullah SAW juga mengungkapkan kedudukan ulama sebagai pewaris para nabi. Sabda baginda SAW:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ وَإِنَّ الْعَالَمَ لَيَسْتَعْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالْحَيَّاتُ فِي جَوْفِ الْمَاءِ وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالَمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلُ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبُدرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَافِكِ وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَتَّةُ الْأَئْنِيَاءِ وَإِنَّ الْأَئْنِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخْذَهُ أَخْذَ بَحْظًٍ وَأَفِرِ

Maksudnya:

Barangsiapa yang melalui jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan sediakan jalan baginya menuju ke syurga, dan sesungguhnya para malaikat menghamparkan sayap-sayapnya sebagai tanda reda kepada para penuntut ilmu. Sesungguhnya bagi orang alim itu, akan dipohon ampunkan baginya oleh segala yang berada di langit, di bumi dan ikan-ikan di air. Dan sesungguhnya keutamaan orang alim ke atas abid seumpama keutamaan bulan penuh pada malam ia mengambang ke atas planet-planet, dan sesungguhnya para ulama adalah pewaris nabi, dan para nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham sebaliknya mereka mewariskan ilmu. Maka, barangsiapa yang mengambilnya, maka dia beruntung.

(Sunan Abi Daud, *Kitab al-Ilm*, Bab al-Hath ^cAla Talab al-Ilm, no hadis 3157)

Kedudukan orang yang berilmu ini juga dibandingkan dengan mereka yang tidak berilmu atau jahil. Perbandingan ini bukan sahaja dari segi tahap pengetahuan mereka, bahkan juga kesannya di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:13) yang bermaksud: *dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". mereka menjawab: "Patutkah Kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekaalah orang-orang Yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat Yang sebenarnya).*

Tahap keilmuan ini diukur berdasarkan kemampuan seseorang memahami perbandingan dan perumpamaan yang diberikan Allah SWT. Sehingga dengan sebab perbandingan tersebut, jurang antara mereka yang diberikan petunjuk dengan mereka yang disesatkan dapat dilihat. Firman Allah SWT juga dalam al-Baqarah (2:26) bermaksud: *Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat Dengan sebab Perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk Dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat Dengan sebab Perbandingan itu melainkan orang-orang Yang fasik;*

Malah, berilmu adalah termasuk dalam syarat pemilihan pemimpin selain mempunyai tubuh badan yang gagah. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:247) yang bermaksud:

Nabi mereka berkata: " Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan Dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". dan (ingatlah), Allah jualah Yang memberikan Kuasa pemerintahan kepada sesiapa Yang dikehendakiNya; dan Allah Maha Luas (rahmatNya dan pengurniaanNya), lagi meliputi ilmuNya.

Dalam masa yang sama, Allah SWT menunjukkan kepada kita bahawa keilmuan sahaja tidak memadai jika tidak disertai dengan keimanan kepada-Nya. Ia seperti apa yang telah dilakukan oleh para pendeta Yahudi apabila mereka memutar belit ayat-ayat Allah SWT dengan sengaja. Firman Allah SWT dalam al-Baqarah (2:75) yang bermaksud: (*Sesudah kamu - Wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu - mengetahui tentang kerasnya hati orang-orang Yahudi itu) maka bolehkah kamu menaruh harapan Bahawa mereka akan beriman kepada seruan Islam Yang kamu sampaikan itu, padahal Sesungguhnya telah ada satu puak dari mereka Yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarkan maksudnya sesudah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui (bahawa perbuatan itu salah)?*)

Sehubungan itu, Rasulullah SAW mengajarkan kepada kita agar sentiasa memohon perlindungan daripada ilmu yang tidak bermanfaat. Sabda baginda SAW:

سُلُوا اللَّهَ عِلْمًا نَافِعًا وَتَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ

Maksudnya:

Pintalah kepada Allah ilmu yang bermanfaat dan mohonlah perlindungan dengan Allah SWT daripada ilmu yang tidak bermanfaat.

(Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Du'a'*, Bab Ma Ta'awwadha minhu Rasul Allah Salla allah 'Alaihi wa sallam, no 3833)

Termasuk ilmu yang tidak bermanfaat ialah ilmu yang dituntut dengan niat selain daripada Allah SWT. Kesannya juga buruk iaitu akan diazab dalam neraka kelak. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيَصْرِفَ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ فَهُوَ فِي النَّارِ


Maksudnya:

Barangsiapa yang menuntut ilmu untuk bertengkar dengan orang bodoh atau bermegah-megah dengannya di hadapan ulama atau agar manusia memandang kepadanya, maka dia berada di dalam neraka.

(Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Muqaddimah*, Bab al-Intifa^c bi al-^cIlmi wa al-^cAmal bihi, no 249)

Hubungan antara ilmu dan keperibadian Muslim terbaik

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, difahami bahawa terdapat hubungan secara langsung antara ilmu dan keperibadian Muslim terbaik. Malah, ukuran ketakwaan seseorang juga boleh dinilai berdasarkan ilmu yang ada dalam dirinya.



Gambarajah 1 Hubungan antara keperibadian Muslim cemerlang dengan cinta ilmu

Hal ini adalah seiring dengan dapatan Ahmad Amri Zainal Adnan et al. (2017) yang mengesahkan peranan religiositi sebagai perantara kepada keperibadian dan tingkah laku kerja Muslim. Malah, Rafiza (2015) mendapati nilai religiositi memperlihatkan sikap bermotivasi yang tinggi, jati diri yang tinggi, bersemangat, jujur, mempunyai matlamat hidup dan mampu bermandiri. Religiositi juga memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah-laku, keperibadian, ketenangan emosi, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (Rafiza et al. 2014). Tambahan pula, cinta ilmu adalah berdasarkan kepada cinta Allah SWT kerana sumber ilmu terutama adalah wahyu-Nya. Hanya cinta Allah SWT akan menterjemahkan keilmuan yang subur dan mendinding diri daripada maksiat di samping merasai kelazatan ikhlas dalam ibadah. Cahaya ilmu juga menyebabkan seseorang tidak lagi berlaku zalim kerana dia menyedari hakikat diri sebenar selaku hamba Allah SWT (Mohamad Sabri 2017).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, keperibadian Muslim terbaik berperanan dalam menyuburkan rasa cinta kepada ilmu. Keimanan yang jitu kepada Allah SWT disertai dengan ibadah yang sempurna dan akhlak mahmudah mendorong individu untuk mendapatkan, mengamalkan dan menyebarkan ilmu. Pengamalan ilmu yang dimiliki mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT kerana melalui ilmu mereka lebih mengenali Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Mujib. (1999). *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*. Jakarta Pusat: Darul Falah.
- Ahmad Amri Zainal Adnan, Kharul Anwar Mastor, Hasnan Kasan dan Firdaus Mohd Hamzah. (2017). Religiositi sebagai faktor mediasi tingkah laku muslim. *Jurnal Hadhari*. Vol. 9, No. 1 (2017), 141-156.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 143-154.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi. (2004). *Ihya 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- al-Sya^crawi, Muhammad Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sya^crawi-Khawatir al-Sya^crawi Hawl al-Qur'an al-Karim*. T.tpt: Akhbar al-Yaum Idarah al-Kutub wa al-Maktabah.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (T.th). *Jami^c al-Bayan ^can ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq: Mahmud Muhammad Syakir. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyah.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin. (2015). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gallagher S., Tierney W. (2013) Religiousness/Religiosity. Dlm. Gellman M.D., Turner J.R. (Eds.) *Encyclopedia of Behavioral Medicine*. Springer. New York.
- Hanisah Osman. (2014). Personaliti dan Akhlak Percintaan dalam kalangan remaja Muslim di Selangor. Tesis Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi dan Fazilah Idris. (2013). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. *Journal of Psychology & Human Development*. Bil. 1. Isu 1. Jun 2013. Hlm. 36-43.
- Mohamad Sabri Haron. (2017). Cinta Kepada Allah SWT. Dlm. Syaidatun Nazirah, Fazilah & Mohamad Sabri (Pnyt.). *Cinta Serata Alam* (hlm. 15-28). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Sabri Haron. (2017). Cinta Ilmu. Dlm. Syaidatun Nazirah, Fazilah & Mohamad Sabri (Pnyt.). *Cinta Serata Alam* (hlm. 149-162). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Dahlan Hj. A. Malek dan Nurul Hudani Md. Nawi. (2015). *Personaliti Menurut Perspektif Islam dan Barat*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nor Hayati Hj. Alwi. (2014). Ke arah pembentukan model pembangunan insan sains seimbang dalam pendidikan sains. Dlm. Khalijah Mohd Salleh (Pnyt.) *Pendidikan Sains berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nurwahidah Ab Gani, Nooraini Othman dan Siti Norayu Mohd Basir. (2013). Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*. Volume 2, 2013, 105–110.
- Rafiza Mohamed. (2015). *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, Zaizul Ab Rahman. (2014). Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat. Dlm. Proceedings of the 1st International Conference on Language, Literature, Culture & Education 2014. <https://icsai.org/procarch/1icllce/1icllce-74.pdf>
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2007). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.